**TERMS AND CONDITIONS INSTALMENT PAYMENT PLAN (IPP)**
**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PELAN BAYARAN MUDAH (PBM)**

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD ▪ 198301002944(98127-X)

## TERMS AND CONDITIONS

1. The Instalment Payment Plan (IPP) is opened to all Principal & Supplementary of Bank Islam Visa & Mastercard Credit Card-i Cardmembers (“Cardmembers”) (except Debit Card-i and Bank Islam Business Credit Card-i) with a valid Card Account. The Cardmember’s account must be in active status and with sufficient financing limit for the execution of IPP.

2. The Cardmembers can choose up to 36 months instalment plan offered by participating merchants (“Merchants”) whereby the profit rate is zero per cent (0%) subject to the minimum amount (in single receipt) as follows:

| Tenure | Min. IPP Amount |
|---|---|
| 3 | RM 300 |
| 6 | RM 500 |
| 12 | RM 1,000 |
| 18 | RM 1,000 |
| 24 | RM 1,500 |
| 36 | RM 2,000 |

3. To enroll in the IPP, the Cardmembers must inform the participating merchant at the point of payment that they wish to apply for IPP with Bank Islam. Cardmembers shall then make payment for the purchase of goods or services using the Credit Card-i at the participating merchant’s payment terminal. All plan selections made by the Cardmembers at the time of payment shall be deemed final and irrevocable.

4. Upon conversion of the IPP application, the full purchase amount will be reserved from the Cardmember’s available financing limit. Monthly instalments will be charged to the Cardmember’s Card Account for the approved tenure. The reserved amount will be gradually released as each monthly instalment is paid. The transaction details will appear on the card monthly statement of account of the Cardmembers.

5. Cardmembers will not be charged with additional fees and charges until the end of instalment payment of IPP. Payment simulation as follows:

| **IPP Amount: RM1,200**<br>**IPP Plan: 06 Months** | |
|---|---|
| Months | Monthly Instalment |
| 1 | RM200 |
| 2 | RM200 |
| 3 | RM200 |
| 4 | RM200 |
| 5 | RM200 |

## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

1. Pelan Bayaran Mudah (PBM) terbuka kepada semua Pemegang Utama atau Tambahan Kad Kredit-i Visa dan Mastercard Bank Islam (“Ahli Kad-i”) (kecuali Kad Debit-i dan Kad Kredit-i Bank Islam Bisnes) dan memiliki Akaun Kad yang sah. Akaun Kad hendaklah berada dalam status aktif dengan had pembiayaan yang mencukupi bagi pelaksanaan IPP.

2. Ahli Kad-i boleh memilih pelan bayaran sehingga 36 bulan yang ditawarkan oleh Saudagar yang mengambil bahagian (“Saudagar”), dengan caj keuntungan sifar peratus (0%) berdasarkan amaun minima (dalam satu resit) seperti berikut:

| Bulan | Min. Amoun IPP |
|---|---|
| 3 | RM 300 |
| 6 | RM 500 |
| 12 | RM 1,000 |
| 18 | RM 1,000 |
| 24 | RM 1,500 |
| 36 | RM 2,000 |

3. Bagi mendaftar dalam PBM, Ahli Kad-i hendaklah memaklumkan kepada saudagar yang mengambil bahagian semasa pembayaran untuk memohon PBM dengan Bank Islam. Ahli Kad-i kemudiannya hendaklah membuat pembayaran bagi pembelian barangan atau perkhidmatan menggunakan Kad Kredit-i di terminal pembayaran saudagar yang mengambil bahagian. Segala pilihan pelan yang dibuat oleh Ahli Kad-i semasa pembayaran hendaklah dianggap muktamad dan tidak boleh ditarik balik.

4. Selepas kelulusan penukaran permohonan PBM, jumlah penuh pembelian akan diperuntukkan daripada had pembiayaan tersedia Ahli Kad-i. Ansuran bulanan akan dicajkan ke Akaun Kad Ahli Kad-i bagi tempoh yang diluluskan. Amaun yang diperuntukkan akan dilepaskan secara berperingkat apabila setiap ansuran bulanan dibayar. Butir-butir urusniaga akan tertera pada penyata bulanan kad akaun Ahli Kad.

5. Ahli Kad-i tidak akan dikenakan sebarang yuran atau caj tambahan sehingga tempoh bayaran ansuran PBM berakhir. Contoh pengiraan adalah seperti berikut:

| **Jumlah PBM: RM1,200**<br>**Pelan PBM: 06 Bulan** | |
|---|---|
| Bulan | Ansuran Bulanan |
| 1 | RM200 |
| 2 | RM200 |
| 3 | RM200 |
| 4 | RM200 |
| 5 | RM200 |

| | |
|---|---|
| 6 | RM200 |
| Total Payment | RM1200 |

6. The Cardmembers who are subscribed to IPP shall be bound by the terms and conditions governing the use and operation of the Bank Islam Credit Card-i, in addition to the terms and conditions herein.

7. Merchants are responsible in making available the products and/or services (items) on IPP plan and be responsible for the sale and delivery of the respective item(s). Bank Islam will not be responsible for any loss or damage arising from late or non-delivery. Bank Islam is only providing means of payment for these goods and/or services via the usage of Bank Islam Credit Card-i.

8. Bank Islam gives no representation or warranty with respect to any supply of the good or services provided by the merchants including but not limited to:

   a) Any acts or omissions on the part of merchants including any cancellation of the provision of any goods or services by the merchant; or
   b) Any defect or deficiency in the goods or services provided by the merchants; or
   c) Any claims, losses, costs, expenses or damages or whatsoever nature arising from or in connection with the supply of the goods and services provided by the merchants.

9. Fulfilment of the purchase order is subject to stock availability, sufficient Financing Limit in the Card Account of the Principal Cardmembers and acceptance by Bank Islam and the participating merchant(s).

10. Cardmembers shall pay the instalment in 3, 6, 12, 18, 24 or 36 equal monthly instalments as provided by Bank Islam under IPP.

11. The instalment billed, shall be subject to the normal Profit Charge rate calculated from the posting date.

| | |
|---|---|
| 6 | RM200 |
| Jumlah Bayaran | RM1200 |

6. Ahli Kad-i yang berdaftar dengan PBM adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal selia penggunaan dan operasi Akaun Kad Kredit-i Bank Islam, termasuklah dengan terma-terma dan syarat-syarat lain yang akan dinyatakan disini.

7. Saudagar bertanggungjawab untuk menyediakan produk dan/atau perkhidmatan di bawah pelan PBM dan bertanggungjawab ke atas penjualan dan penghantaran berkenaan. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul akibat kelewatan atau kegagalan penghantaran. Bank Islam hanya menyediakan kaedah pembayaran bagi barangan dan/atau perkhidmatan ini melalui penggunaan Kad Kredit-i Bank Islam.

8. Bank Islam tidak memberikan sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan pembekalan barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh para saudagar termasuk tetapi tidak terhad kepada:

   a) Sebarang tindakan atau kegagalan tindakan oleh saudagar termasuk sebarang pembatalan penyediaan mana-mana barangan atau perkhidmatan oleh saudagar; atau
   b) Sebarang kecacatan atau kekurangan dalam barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh saudagar; atau
   c) Sebarang tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan dalam apa jua bentuk yang timbul daripada atau berkaitan dengan pembekalan barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh saudagar.

9. Pemprosesan pesanan belian adalah tertakluk kepada ketersediaan stok, Had Pembiayaan yang mencukupi di dalam Akaun Ahli Kad Kredit-i Utama dan penerimaan oleh Bank Islam dan saudagar-saudagar utama.

10. Ahli Kad-i hendaklah membuat bayaran ansuran dalam tempoh 3, 6, 12, 18, 24 atau 36 bulan secara ansuran bulanan yang sama seperti yang diperuntukkan oleh Bank Islam bawah PBM.

11. Ansuran yang telah dibilkan, adalah tertakluk kepada kadar Caj Keuntungan biasa yang dikira dari tarikh pengeposan.

| | |
|---|---|
| 12. For payment of the item(s) by instalments, upon acceptance of the IPP, the Cardmembers hereby agrees with Bank Islam as follows:<br><br>a) Bank Islam is authorised by the Cardmembers to make payment to the participating merchant(s) immediately on acceptance of the IPP;<br>b) The monthly instalment shall be charged & included in the Bank Islam Card monthly statement on the date of approval until full settlement of the IPP.<br>c) The monthly instalments shall be paid in full together with 5% minimum payment per month. | 12. Bagi bayaran barang-barang tersebut secara ansuran, apabila permohonan PBM diterima, Ahli Kad-i dengan ini bersetuju dengan Bank Islam seperti berikut:<br><br>a) Bank Islam diberi kuasa oleh Ahli Kad untuk membuat bayaran kepada saudagar(- saudagar) utama serta-merta setelah penerimaan PBM;<br>b) Ansuran bulanan akan dicajkan & dimasukkan ke dalam penyata bulanan Kad Bank Islam pada tarikh kelulusan sehingga penyelesaian penuh PBM.<br>c) Ansuran bulanan hendaklah dibayar secara penuh bersama 5% bayaran minimum setiap bulan. |
| 13. In the event of a default of payment of any monies due under the Card Account or breach of any provisions of the Cardmembers Agreement and/or any of the terms and conditions stated herein by the Cardmembers and/or cancellation of the Bank Islam Card-i and/or termination of the Card Account for any reason whatsoever, the Cardmembers agrees as follows:<br><br>a) All outstanding instalments or balance of monies owing under the arrangement herein shall immediately become due and payable by the Cardmembers and it shall be charged to the Card Account whereupon the terms and conditions in the Cardmembers Agreement shall apply to all the said instalments or balance;<br>b) Bank Islam has the right to terminate the monthly instalment arrangement.<br>c) If the Cardmember fails to make the full minimum monthly payment for two (2) consecutive months, the instalment plan will be cancelled, and the outstanding balance will be charged to the next statement. | 13. Jika berlaku kemungkiran dalam pembayaran apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah Akaun Kad atau pelanggaran mana-mana peruntukan Perjanjian Ahli Kad-i dan / atau mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini oleh Ahli Kad-i dan / atau pembatalan Kad Bank Islam dan / atau penamatan Akaun Kad atas apa jua sebab, Ahli Kad-i bersetuju seperti berikut:<br><br>a) Semua ansuran yang tertunggak atau baki wang yang masih belum dijelaskan akan dengan serta-merta menjadi tertunggak dan perlu dibayar oleh Ahli Kad-i dan ianya akan dicaj kepada Akaun Kad di mana semua terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian Ahli Kad-i adalah terpakai ke atas ansuran atau baki tersebut;<br>b) Bank Islam mempunyai hak untuk menamatkan pelan ansuran bulanan.<br>c) Sekiranya Ahli Kad-i gagal membuat bayaran minimum bulanan penuh selama dua (2) bulan berturut-turut, pelan ansuran akan dibatalkan dan baki tertunggak akan dicaj ke penyata seterusnya. |
| 14. Bank Islam shall not take delivery of the item(s) returned by the Cardmembers for any reason whatsoever. Bank Islam shall further not be responsible for any item(s) that is/are lost, stolen or damaged whatsoever. | 14. Bank Islam tidak akan mengambil item barangan yang dikembalikan oleh Ahli Kad-i untuk sebarang sebab sekalipun. Bank Islam selanjutnya tidak akan bertanggungjawab bagi apa jua barangan yang / hilang, dicuri atau rosak sekalipun. |
| 15. The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to the product/ facility terms and conditions. In the event of any inconsistency between these terms and conditions, this Terms and Conditions shall prevail with regards to this IPP and the purchase of the item(s) by the Cardmember | 15. Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada terma-terma dan syarat-syarat produk/ kemudahan. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai bagi PBM dan pembelian barangan oleh Ahli Kad-i. |
| 16. The Bank shall be entitled to vary or amend the terms and/or conditions of these Terms and Conditions subject to the Shariah rules & principles by giving 21 days' prior notice in writing to the Cardmembers and | 16. Pihak Bank berhak mengubah atau meminda terma-terma dan/atau syarat-syarat ini tertakluk kepada peraturan - peraturan dan prinsip - prinsip Syariah dengan memberi notis awal 21 hari secara bertulis |

| | |
|---|---|
| such amendments and variations shall have similar effect as those hereinbefore referred to in this Terms and Conditions and nothing herein shall be construed so as to restrict or curtail or prejudice any of the rights of the Bank herein to vary or amend the terms and/or conditions without the necessity to obtain the Cardmember's consent or confirmation. | kepada Ahli Kad-i dan pindaan dan perubahan yang dibuat hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti yang dirujuk sebelum ini dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan tidak ada apa yang terkandung dalam ini boleh ditafsirkan sebagai melarang atau menyekat atau menjejaskan hak pihak Bank dalam ini untuk mengubah atau meminda terma dan/atau syarat tanpa keperluan untuk mendapatkan persetujuan atau pengesahan Ahli Kad-i. |